

143

NO. SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 14.03.2018 (RABU)

SOALAN : 62

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kedudukan indeks rasuah di Malaysia dan berapakah jumlah pesalah yang telah disabitkan semenjak tahun 2010.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, skor Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index-CPI*) Malaysia bagi tahun 2017 adalah 47. Ini meletakkan Malaysia di kedudukan ke-62 (daripada 180 negara) berbanding kedudukan ke-55 (daripada 176 negara) pada tahun 2016. Kejatuhan skor CPI bagi tahun 2017 ini tidak menghalang

SPRM daripada melaksanakan **penguatkuasaan** seperti mana yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) serta tidak menghentikan usaha Kerajaan dalam melaksanakan **transformasi** bagi jangka panjang. Sehubungan itu, bagi memperbaiki skor dan kedudukan negara dalam CPI di masa akan datang, inisiatif pencegahan akan terus diberi tumpuan dengan meningkatkan tadbir urus baik institusi dan membina budaya organisasi yang kukuh dalam aspek integriti.

Yang Berhormat,

Dalam tempoh tahun 2010 hingga 2017, seramai 1,701 orang telah disabitkan atas kesalahan rasuah.

Sekian, terima kasih.